

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

SBP311 - Perancangan Projek Pembangunan

Masa: (3 jam)

---

Jawab TIGA daripada enam soalan berikut. Setiap soalan mengandungi markah yang sama. Tulisan kabur dikenakan potongan markah.

1. Terangkan maksud konsep luaran (externalities) dan barang-barang awam (public goods).

Bagaimana kesan-kesan luaran boleh wujud?

Dengan andaian ekonomi terbahagi kepada dua sektor; sektor pengeluar dan sektor pengguna, huraikan empat jenis kebergantungan (interdependence) faedah dan kos.

Mengapa konsep luaran penting dalam analisis kos-faedah?

(100 markah)

2. Dalam analisis kos-faedah penggunaan harga pasaran untuk tujuan penilaian faedah dan kos menjadi tidak tepat jika

(a) harga-harga pasaran tidak menyamai kos-kos sut, dan

(b) kos sut tidak mencerminkan kos sosial sebenar sumber-sumber.

Bincangkan punca-punca penyimpangan (divergences) yang menyebabkan keadaan (syarat-syarat) di atas wujud.

(100 markah)

...2/-

3. Dalam bidang pengurusan projek, aspek perancangan projek dikira penting untuk kejayaan dan keberkesanan sesebuah projek.

Huraikan makna konsep perancangan projek, fungsi-fungsi perancangan dan alat-alat perancangan.

Saudara boleh guna atau rujuk kepada sesebuah projek sebagai contoh untuk menjawab soalan ini.

(100 markah)

4. Jadual di bawah mempamerkan aliran-aliran tunai bagi empat pelaburan (projek) alternatif.

<u>Tahun</u>	<u>Projek 1</u>	<u>Projek 2</u>	<u>Projek 3</u>	<u>Projek 4</u>
0	-200,000	-300,000	-210,000	-320,000
1	50,000	50,000	60,000	200,000
2	50,000	50,000	70,000	40,000
3	50,000	50,000	80,000	-
4	50,000	50,000	60,000	-
5	50,000	50,000	80,000	-
6	50,000	40,000	50,000	200,000
7	50,000	40,000	40,000	50,000

Dengan andaian kos modal (K) bagi projek 10%, nilaikan pelaburan projek-projek tersebut melalui kriteria-kriteria berikut:

- (a) tempoh bayar balik
- (b) nilai kini bersih, dan
- (c) nisbah kos-faedah.

Gunakan formula-formula berikut jika perlu.

$$NPV = \frac{CF_0}{(1 + K)^0} + \frac{CF_1}{(1 + K)^1} + \dots + \frac{CF_n}{(1 + K)^n} = \sum_{t=0}^n \frac{CF_t}{(1 + K)^t}$$

$$BCR = \frac{PVB}{I}$$

(100 markah)

5. Apakah yang dimaksudkan dengan Konsep Kadar Pulangan Dalam? Berpandukan jadual di bawah carikan nilai KPD (kaedah cuba hingga dapat).

<u>Tahun</u>	<u>Aliran Tunai Projek</u>
0	- 100,000
1	+ 30,000
2	+ 30,000
3	+ 50,000
4	+ 40,000

Dalam mencari KPD sila tunjukkan langkah-langkah yang harus dilalui untuk mendapat KPD bagi pelaburan projek di atas.

Jelaskan masalah kadar pulangan berbagai (multiple rates of return/multiple-roots problem) yang berkaitan dengan kriteria pelaburan ini.

Apakah kebaikan dan batasan kaedah KPD?

(100 markah)

6. Teori ekonomi neoklasik menekankan faktor keusahawanan (entrepreneurship) sebagai penting bagi menggerak dan menjayakan sesebuah enterprise atau projek. Apakah kualiti-kualiti dan ciri-ciri seseorang usahawan yang berjaya? Gunakan contoh/kes perancangan dan pengurusan satu projek pilihan saudara

Sejauh manakan dapat dipertahankan faktor keusahawanan (entrepreneurship) dalam perkembangan sesebuah bangsa/negara?

(100 markah)